

Penerapan nilai Islam sudah diberi perhatian

# Mahathir bidas pengkritik wawasan 2020

MELAKA 31 Mei — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas mereka yang menyifatkan wawasan 2020 sebagai angan-angan yang sukar dicapai kerana kononnya tidak menerapkan nilai-nilai Islam.

"Siapa kata tidak ada penerapan nilai-nilai Islam, lagipun, takkan sesuatu itu kena ada perkataan Islam baru boleh berjaya," katanya kepada para pembenta selepas merasmikan perhimpunan Hari Belia Negara dan pelancaran Program Induk Belia Negara (PIBN) di Stadium Kubu di sini.

Beliau menjelaskan bahawa penerapan nilai-nilai Islam sebenarnya telah diberi perhatian dalam segala program, termasuk wawasan 2020.

Semalam, Ketua Dewan Pemuda Pas, Haji Abu Bakar Chik menganggap wawasan itu sebagai angan-angan kerana ia tidak diletakkan atas dasar-dasar Islam.

Menurut Haji Abu Bakar, Dewan Pemuda Pas tetap menganggap wawasan itu akan menjadi seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) kerana selagi Islam tidak dijadikan matlamat, selagi itulah

kesilapan yang dahulu akan diikuti dengan kesilapan yang baru.

Menurut Perdana Menteri, walaupun ada pihak yang tidak bersestuju dengan program-program wawasan itu, tetapi ia adalah perkara biasa.

"Sepatutnya, kita jangan tumpu kepada perkara-perkara yang kita tidak setuju.

"Sebaliknya, kita hendaklah mencari perkara yang kita boleh tumpukan bersama dan usahakan ke arah itu," tambah beliau.

Beliau juga mengingatkan bahawa kemajuan yang ingin dicapai sepatutnya tidak mengenepi-

kan nilai-nilai moral.

"Kita hendak maju tetapi bukan seperti setengah - setengah negara hingga kebebasan bermakna boleh bogel. Kita boleh maju tanpa bogel," tegas Perdana Menteri.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah, untuk mencapai kemajuan, negara perlu mempunyai matlamat kerana tanpa matlamat negara tidak boleh bergerak atau menentukan haluannya.

Mengenai kenyataan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Nik Mat, yang mengakui Kerajaan Pusat tidak mengamalkan diskriminasi dalam masalah pembangunan Kelantan, Perdana Menteri menyifatkannya sebagai satu perkembangan yang baik sambil berkata: "Alhamdulillah".

Haji Nik Aziz berkata, berdasarkan pertemuannya dengan Perdana Menteri semalam, hubungan baik antara kerajaan negeri dengan Pusat dapat diwujudkan dan tidak ada sebarang masalah yang menghalang tujuannya itu.